

01 DEC 1998

Cuepacs-pemilihan

PILIH DENGAN TELITI, KATA PRESIDEN CUEPACS

KUALA LUMPUR, 1 Dis (Bernama) -- Pemilihan kepimpinan baru Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja di dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) akan menjadi tumpuan konvensyen ke-21 kongres itu, yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini esok.

Selain jawatan presiden, pemilihan juga dibuat untuk beberapa jawatan penting seperti timbalan presiden, naib presiden dan setiausaha agung.

Presiden Cuepacs, Abdul Aziz Mohd Sultan, hari ini berkata 1,106 perwakilan dari 103 kesatuan gabungan akan menghadiri konvensyen tiga hari itu.

Pemilihan akan diadakan pada hari kedua persidangan.

"Jawatan-jawatan yang dipertandingkan memang hebat dan sebagai presiden, saya menasihati kepada perwakilan agar memilih orang yang hendak buat kerja sebab ini penting bagi Cuepacs," kata Abdul Aziz, yang melepaskan jawatan Presiden kerana beliau akan bersara daripada perkhidmatan awam.

Setiausaha agung Cuepacs Siva Subramaniam dan Timbalan Presiden Mohd Yusop Harmain Shah bertanding merebut jawatan presiden, yang akan mengetuai kongres itu bagi tempoh tiga tahun.

Jawatan timbalan presiden pula menjadi rebutan antara Ariff Abu Bakar, Mohamed Salleh Lebai Mat, Mohamed Shah Haji Abu Bakar, Zainal Ismail dan Mohamed Ibrahim Abdul Wahab.

Dua timbalan setiausaha agung Abdul Rahman Manan dan Abdul Rahim Mahad akan bertanding merebut jawatan setiausaha agung.

Abdul Aziz berkata selain menjalankan amanah yang diberikan oleh kesatuan-kesatuan gabungan, barisan kepimpinan baru itu perlu mengekalkan hubungan baik dengan agensi kerajaan terutama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Menurutnya sebanyak 30 usul akan dikemukakan pada konvensyen itu.

-- BERNAMA

AZZ AHH NAK